



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 26 DISEMBER 2019**

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|------------|---|---------------------------------------|
| 1. | PELAJAR MRSM CIPTA ROBOT PERTANIAN MENANG EMAS PERTANDINGAN A'BANGSA, MALAYSIA KINI -ONLINE | LAIN-LAIN |

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|------------|------------------|---------|------------|
| 26/12/2019 | MALAYSIA KINI | ONLINE | |

pelajar MRSM cipta robot pertanian menang emas pertandingan a'bangsa



Empat pelajar Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) mengharumkan nama negara apabila merangkul dua pingat emas dalam pertandingan International Robot Olympiad (IRO) 2019 di Chiang Mai, Thailand pada 15 hingga 20 Dis lepas.

Menurut kenyataan Majlis Amanah Rakyat (Mara) hari ini, pelajar MRSM Bentong Ahmad Muqry Hasni dan Nur Ain Balqis Mohd Razuan memenangi emas dalam acara kreatif bertemakan *Robot: Agricultural Revolution* (Robot: Revolusi Pertanian).

" Robot binaan mereka dinamakan Dr Plant dan dapat mengenal pasti pokok perosak serta menghapuskan pokok perosak tersebut

dengan menggunakan semburan racun," menurut kenyataan itu.

Sementara itu, Ziyad Azhar dan Hana Humaira Wan Hasnan daripada MRSM Kota Putra pula merangkul pingat emas bagi acara *Robot in Movie* (Robot Dalam Filem). Mereka menghasilkan video dengan sub tema *Vital Monitoring* (Pemantauan Penting) kepada tema utama.

Video tersebut memerlukan mereka merangka jalan cerita serta menggunakan robot dan peralatan serta menguji kepakaran peserta dalam proses suntingan dan kesan khas.

Menurut kenyataan itu lagi, Mara turut memenangi satu pingat perak, satu pingat gangsa dan satu anugerah teknikal.

Wakil Mara bersaing dengan pelajar daripada 14 negara antaranya Korea Selatan, China, Singapura, Filipina, New Zealand, Mesir, Indonesia dan Thailand, dengan keseluruhan penyertaan pada pertandingan itu lebih 800 orang.

"Kontinjen Malaysia seramai 66 orang terdiri daripada 51 pelajar, 14 guru dan seorang pegawai merangkap ketua kontinjen daripada Bahagian Pendidikan Menengah.

"Mara komited dalam menyumbang kepada penghasilan modal insan dalam bidang robotik dan teknologi kepintaran buatan seiring dengan Revolusi Perindustrian 4.0 (IR4.0)," menurut kenyataan itu.